

Tindakan Lulus Penubuhan Parti Baharu Perlu Dinilai Semula - Pairin Bernama
25 Aug, 2013

KENINGAU, 25 Ogos (Bernama) -- Kerajaan perlu menilai semula tindakan melulus penubuhan banyak parti politik yang boleh memberi kesan jangka panjang, kata Timbalan Ketua Menteri Sabah Tan Sri Joseph Pairin Kitingan.

Beliau berkata Jabatan Pendaftaran Pertubuhan baru-baru ini dilapor meluluskan penubuhan 20 parti politik, khususnya di Sabah.

Pairin, yang juga Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), berkata demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat tahunan gabungan PBS Bingkor dan Liawan di Dewan Masyarakat di sini.

Beliau berkata sebelum ini, setiap parti politik yang wujud adalah berasaskan aspirasi rakyat, dan bukan kepentingan individu.

Anggota Parlimen Keningau itu juga berkata pihaknya akan mengkaji situasi itu serta kesan terhadap generasi muda pada masa depan.

Beliau turut meminta setiap ketua cawangan PBS mengutamakan usaha menambah bilangan anggota bagi memperkuat jentera parti selain memperbanyak aktiviti melibatkan masyarakat di kawasan masing-masing.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=972548>